



KLCI dijangka cecah 3,000 mata dalam tempoh tiga ke lima tahun lagi

Oleh [Wartawan Bisnes BH](#) - Mei 2, 2024 @ 12:46pm

bhbiz@bh.com.my



Pengarah Urusan Capital Dynamics, Tan Teng Boo.

KUALA LUMPUR: "Siapa kata Malaysia bukan destinasi pelaburan yang baik? Ia lebih baik daripada melabur dalam Nasdaq. Ini tentang memilih aset Malaysia yang betul," demikian mengikut pelabur dan penganalisis veteran, Tan Teng Boo yang juga adalah Pengarah Urusan Capital Dynamics dan juga Individu Yang Dilantik icapital.biz Bhd (ICAP).

Teng Boo, yang juga baru-baru ini dinamakan Profesor Adjung Universiti Teknologi Sydney (UTS) di Australia, kembali yakin dengan pasaran Malaysia semasa Hari Pelabur ICAP (ICAP Investor Day) pada 5 November 2023, kerana merasakan ia berada dalam satu perubahan baik.

Dalam satu kenyataan, beliau berkata, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) bersedia untuk pasaran menaik yang berpanjangan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, didorong oleh lantunan makro.

Ten Boo meramalkan indeks KLCI mencecah 2,500 hingga 3,000 mata dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) berada pada paras 1,575.97 pada penutup semalam.

Menurut beliau, harga saham icapital.biz Bhd (ICAP), satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, telah mengatasi prestasi Indeks MSCI Malaysia, indeks S&P500 dan Nasdaq dalam tempoh setahun dalam terma dolar AS mulai 1 April, 2023, hingga 29 Mac 2024.

Sepanjang tempoh setahun itu, harga saham ICAP memberi pulangan 47.75 peratus, manakala pulangan MSCI Malaysia (-0.98%) dan pulangan S&P500 dan Nasdaq masing-masing 27.86 peratus dan 34.02 peratus.

Sementara itu dalam tempoh tiga tahun, ICAP masih mengatasi prestasi tiga indeks yang lain, dengan pulangan 49.34%. Indeks MSCI Malaysia, S&P500 dan Nasdaq pula memberi pulangan (-17.58 peratus), 32.26 peratus dan 23.65 peratus dalam tempoh tiga tahun.

Sehingga 29 Mac 2024, jumlah nilai aset bersih (NAV) ICAP berjumlah RM536 juta atau RM3.82 sesaham, berdasarkan 140 juta saham terkumpulnya.

Teng Boo mempunyai dua senario untuk harga saham ICAP sekiranya KLCI mencecah 3,000 mata. Pertama, Tan meramalkan nilai aset bersih ICAP meningkat dua kali ganda kepada RM7.86.

Katanya, Jika harga saham ICAP bersamaan dengan nilai aset bersih sebanyak RM7.86, maka ini akan menjadi kenaikan sebanyak RM4.81 atau kenaikan 158 peratus daripada RM3.05.

Dalam senario kedua, Teng Boo mengatakan bahawa dari segi sejarah, nilai aset bersih ICAP telah mengatasi prestasi KLCI sebanyak 6.0 peratus setahun.

"Oleh itu, jika KLCI meningkat dua kali ganda dalam tempoh lima tahun, nilai aset bersih ICAP akan menjadi RM10.19 pada masa itu.

"Dengan mengandaikan harga sahamnya didagangkan pada premium 10% kepada nilai aset bersih, harga sahamnya akan didagangkan pada RM11.21, iaitu kenaikan RM8.16 atau 267% daripada RM3.05," katanya.

Teng Boo menambah bahawa senario prestasi yang dinyatakan tidak termasuk sumbangan daripada dasar dividen inovatif ICAP.

"Mengambil kira perkara ini akan melihat pulangan yang lebih tinggi untuk pemilik saham. Dasar dividen inovatif ICAP telah diumumkan pada 29 September 2023, dengan matlamat untuk mengecilkan diskaun secara proaktif antara harga saham ICAP dan nilai aset bersih sesahamnya.

"Ia dirumuskan seperti berikut: Kadar Asas 1% daripada nilai aset bersih ICAP sesaham, ditambah 8% daripada perbezaan antara harga saham ICAP dan nilai aset bersih. Tambahan 8% ini dirujuk sebagai Kadar Tambah Nilai. Secara ringkasnya, dasar dividen inovatif ini terdiri daripada agregat Kadar Asas 1% dan Kadar Tambah Nilai 8.0 peratus," katanya.